BIL. 6/2019

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)



Kepentingan Skor Kredit Untuk Urusan Kewangan Anda



Program Subsidi Petrol (PSP) Mulai Januari 2020



Jenis-Jenis Tuntutan PERKESO

Dana Khas Bank Negara Malaysia Untuk Pembelian Rumah Mampu Milik

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

Adakah anda mempunyai sebarang komen mengenai RINGGIT?

Sila imbas kod QR untuk tinjauan bagi Majalah Ringgit.

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Dana Khas Bank Negara Malaysia Untuk **Pembelian Rumah Mampu Milik**



Bermula 2 Januari 2019, rakyat Malaysia yang berkelayakan boleh memohon Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia (BNM) yang ditubuhkan khas bagi membiayai pembelian rumah pertama.

Dana sebanyak RM1 bilion ini diumumkan selepas pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu. Di bawah dana ini, pembeli rumah yang layak boleh mendapatkan pembiayaan (konvensional atau Islam) pada kadar konsesi di institusi kewangan yang mengambil bahagian. Dana ini sah selama dua tahun, bermula bermula 2 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020, atau sehingga dana berjumlah RM1 bilion tersebut habis digunakan, yang mana lebih awal.

Gabenor Bank Negara, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus memaklumkan lebih ramai individu yang berkelayakan boleh memohon dana ini memandangkan had kelayakan pendapatan maksimum bulanan isi rumah telah dinaikkan ke RM4,360 berbanding RM2,300 sebelum ini.

Malah had harga maksimum rumah layak dibiayai turut dinaikkan ke RM300,000 berbanding RM150,000 sebelum ini, sejajar dengan definisi harga rumah mampu milik yang ditetapkan oleh Dasar Perumahan Mampu Milik Negara. Penambahbaikan kepada kriteria kelayakan dan ciri-ciri Dana Rumah Mampu Milik tersebut telah berkuat kuasa pada 1 September 2019.

Kriteria dan Ciri-ciri Dana BNM bagi Rumah Mampu Milik ialah:

- Pendapatan maksimum bulanan isi rumah dinaikkan sehingga RM4,360;
- Harga maksimum harta tanah dinaikkan sehingga RM300, 000
- Kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun; dan
- Institusi kewangan yang mengambil bahagian ialah AmBank, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank.

Tempoh pembiayaan adalah sehingga 40 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih rendah.

Bagi membantu pembeli rumah kali pertama yang memohon pembiayaan di bawah dana ini, modul pendidikan kewangan dalam talian yang ringkas dan mudah telah disediakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Orang ramai boleh menghubungi institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Pelancaran dana telah dilengkapi dengan pelbagai langkah untuk membantu pembeli rumah yang pendapatan bulanan mereka adalah sebanyak RM4,360 dan ke bawah untuk membeli rumah pertama mereka yang berharga sehingga RM300,000.



Langkah-langkah yang dijalankan untuk pembiayaan rumah yang layak daripada semua institusi kewangan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kos sampingan pemilikan rumah bagi peminjam yang berkelayakan. Langkah-langkah tersebut seperti pengecualian duti setem, kadar yang berpatutan untuk jumlah perlindungan gadai janji dan pelepasan yuran guaman bagi perjanjian jual beli dan pembiayaan.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi institusi kewangan yang mengambil bahagian seperti yang tertera di bawah:

- **AmBank (M) Berhad (AmBank) – 03-2178 8888**
- **Bank Simpanan Nasional (BSN) – 1-300 88 1900**
- **CIMB Bank Berhad (CIMB) – 03-6204 7788**
- **Malayan Banking Berhad (Maybank) – 1-300 88 6688**
- **RHB Bank Berhad (RHB) – 03-9206 8118** *(Semenanjung Malaysia)*

Orang ramai juga boleh menghubungi BNMTELELINK di talian 1-300-88-5465 (LINK) atau layari *http://www.bnm.gov.my*

Sumber: www.bnm.gov.my

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad
Maizatul Aqira Ishak

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan secara berkala sebanyak enam edisi mulai tahun 2019. Untuk muat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks: 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Kepentingan Skor Kredit
Untuk Urusan Kewangan Anda

Secara amnya, skor kredit berfungsi sebagai petunjuk mengenai keupayaan anda untuk membayar balik pinjaman kepada institusi kewangan. Ia menilai sejarah kewangan anda supaya institusi kewangan boleh menentukan jika mereka ingin berurusan dengan anda. Jika anda menyediakan *resume* untuk memohon pekerjaan, begitu jugalah apabila anda ingin memohon pinjaman. Anda juga perlu menjalani pemeriksaan kesihatan kewangan yang lengkap.

Skor kredit yang baik akan memberi anda pelbagai pilihan pembiayaan kerana lebih banyak bank yang ingin berurusan dengan anda. Selain itu, bank-bank ini juga mungkin menawarkan pelan pembayaran balik yang lebih baik. Skor kredit yang kurang memuaskan mungkin boleh menyebabkan bank enggan memberikan pinjaman kepada anda.

Anda mungkin tidak menyedarinya, tetapi skor kredit anda telah mempengaruhi kehidupan anda, terutamanya keputusan kewangan anda – lebih daripada apa yang anda fikirkan.

Bagaimanakah skor kredit ini berfungsi?

Skor kredit memberikan anda penarafan berdasarkan bilangan pinjaman dan kad kredit yang anda telah ambil, serta konsistensi dalam pembayaran balik pinjaman.



"Selain memberikan skor anda, laporan ini juga memberi analisis mendalam mengenai semua hutang dan tabiat pembayaran balik anda."

Selain memberikan skor anda, laporan ini juga memberi analisis mendalam mengenai semua hutang dan tabiat pembayaran balik anda. Oleh itu, anda boleh menilai tabiat pembayaran balik pinjaman anda sendiri, dan juga menyemak jika anda terlepas apa-apa bayaran penting yang akan memberi kesan dan menjejaskan skor anda. Laporan anda juga akan memberitahu anda jika terdapat sebarang tuntutan undang-undang aktif yang diambil terhadap anda.

Jika anda beranggapan bahawa tiada sesiapa akan mengetahui bahawa anda gagal membuat bayaran bulanan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan sebaliknya menggunakan wang tersebut untuk menikmati percutian hujung minggu – anda salah.

Sejarah kredit anda disimpan dan dijejak oleh pangkalan data dimiliki Bank Negara Malaysia yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS). Dari sini, agensi pelaporan kredit seperti RAM Credit Information Sdn Bhd (RAMCI), CTOS, dan Biro Kredit Malaysia dibenarkan mengakses maklumat ini, justeru dapat menjana skor kredit anda.

Apakah yang akan menjejaskan skor kredit saya?

Skor kredit mengambil kira aspek pinjaman seperti pinjaman pendidikan sebagai contoh, PTPTN, pinjaman kenderaan, kad kredit, ansuran bulanan sewa beli, pinjaman perumahan dan sebagainya.

Agensi penarafan kredit mempertimbangkan banyak perkara, seperti sejarah pembayaran kredit individu, campuran kredit dan jumlah pinjaman yang terhutang, tempoh sejarah kredit, permohonan kredit baharu dalam tempoh 12 bulan yang lepas, dan rekod prestasi undang-undang.

Secara ringkas, selagi anda mengutamakan pembayaran balik bulanan anda pada setiap bulan, anda akan mempunyai skor yang lebih tinggi. Ini bermakna sebaik sahaja anda mendapat gaji, anda akan terus membayar pinjaman pendidikan, pinjaman kenderaan, hutang kad kredit, dan hutang lain anda kepada institusi pemberi pinjaman.

Bagaimana jika saya abaikan skor kredit?

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, skor kredit anda mempengaruhi kehidupan anda dalam pelbagai cara, sama ada anda menyedarinya atau tidak. Sekiranya anda tidak menjaga kesihatan kewangan anda, ia akan mendatangkan banyak masalah kepada anda pada masa akan datang. Sebagai contoh, ia mungkin menjejaskan peluang untuk memiliki rumah impian anda kerana permohonan anda untuk pembiayaan rumah mungkin akan ditolak.



"Sekiranya anda tidak menjaga kesihatan kewangan anda, ia akan mendatangkan banyak masalah kepada anda pada masa akan datang."

Ini juga boleh menjejaskan hubungan anda dengan pasangan anda kerana masalah tersebut mungkin disebabkan oleh salah seorang daripada anda.

Jika anda mempunyai skor kredit yang kurang memuaskan, ia juga mungkin menjejaskan prospek pekerjaan anda. Pada amnya, majikan tidak menyemak skor kredit bakal pekerja mereka. Namun demikian, jika pekerjaan tersebut berkait rapat dengan bidang kewangan, atau jika majikan ingin memberi anda tanggungjawab berkaitan hal-ehwal kewangan, skor kredit anda akan mendedahkan sikap anda terhadap pengurusan kewangan dan mempengaruhi keputusan bakal majikan untuk mengambil anda bekerja.

Sumber: www.imoney.my

Program Subsidi Petrol (PSP)

Mulai Januari 2020



Program Subsidi Petrol (PSP) adalah inisiatif kerajaan untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah melalui pengagihan semula subsidi petrol. Ia adalah satu bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrol.

Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh kerajaan ialah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama *(equitable redistribution)* dan dasar berpandukan data *(data driven policy)*. Subsidi petrol yang sedia ada diberikan secara pukal. Ia dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan. Pengagihan subsidi ini akan diberikan kepada golongan sasar yang layak, iaitu warganegara Malaysia yang sangat memerlukan bantuan tersebut.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengumumkan akan melaksanakan PSP mulai Januari 2020. Berikutan dengan pelaksanaan PSP, kerajaan akan mengembalikan sistem apungan harga petrol bagi RON95 di seluruh negara, kecuali Sabah, Sarawak dan Labuan. Sehubungan dengan itu, kementerian tersebut telah mengumumkan bahawa penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) sahaja yang akan menerima subsidi berkenaan.

Semak kelayakan subsidi petrol anda melalui butiran berikut:

Kelayakan PSP Tahun 2020

1. Warganegara Malaysia.
2. Penerima BSH tahun 2020.
3. Kereta berkapasiti enjin 1.6 liter setara dan ke bawah atau 1.6 liter ke atas yang berumur lebih 10 tahun ke atas atau setara.
4. Motosikal berkapasiti enjin 150cc ke bawah atau 150cc ke atas yang berumur lebih 7 tahun ke atas atau setara.
5. Penerima BSH di Semenanjung sahaja.
6. Sabah, Sarawak & Labuan dikecualikan kerana kerajaan masih menanggung subsidi petrol RON95.

Kadar Kelayakan Subsidi Mengikut Kenderaan

Jumlah Kereta	Jumlah Motosikal	Kadar Kelayakan (RM/Bulan)
1	-	30
1	1	30
1	2	30
2	-	30
2	1	30
2	2	30
-	1	12
-	2	12

Penerima yang berkelayakan akan diberikan subsidi sebanyak RM30 setiap bulan bagi kereta dan RM12 setiap bulan bagi motosikal. Pemberian subsidi ini akan dikreditkan terus ke akaun penerima dalam tempoh empat bulan sekali.

Hubungi KPDNHEP untuk maklumat lanjut, melalui saluran berikut:

Tel : 1-800-88-6800
E-mel : psp@kpdnhep.gov.my
WhatsApp : 019-2786356

Sumber: www.psp.kpdnhep.gov.my



Jenis-Jenis Tuntutan PERKESO

PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) juga dikenali sebagai SOCSO *(Social Security Organization)* adalah merupakan sebuah agensi kerajaan Malaysia yang ditubuhkan pada 1972 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan *(pooling of resources, sharing of risk and replacement of income)*.

Fungsi utama PERKESO adalah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya menerusi Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. PERKESO juga menjalankan aktiviti pencegahan kemalangan melalui program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja dan majikan.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)

PERKESO mempunyai tiga skim perlindungan buat ahli yang berdaftar, iaitu Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan dan Skim Bencana Kerja Pekerja Asing.

i. Skim Bencana Pekerjaan

Menurut laman sesawang PERKESO, Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan berikut:

- **Kemalangan perusahaan semasa menjalankan pekerjaannya**
- **Kemalangan semasa dalam perjalanan**
  Nota: Kemalangan yang berlaku dalam masa apa-apa perhentian atau lencongan tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya.



- **Kemalangan semasa kecemasan**
  Kemalangan yang berlaku semasa pekerja berada dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis tempat bekerjanya bagi tujuan menyelamatkan, membantu atau melindungi orang yang mendapat bencana atau bahaya semasa kecemasan.
- **Penyakit khidmat**
  Penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan sebagaimana yang disenaraikan di Jadual Kelima, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
  Antara contoh penyakit khidmat adalah seperti:
  > Hilang pendengaran disebabkan oleh paras tekanan bunyi tinggi yang berterusan.
  > Penyakit asma disebabkan oleh pekerjaan yang melibatkan pendedahan berterusan kepada sedutan habuk atau bahan kimia yang berbahaya dan sebagainya.

ii. Skim Keilatan

Seseorang berinsurans dianggap sebagai menghidap keilatan apabila mengalami suatu keuzuran yang berkekalan sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembuh serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan

tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan pekerja yang normal.



Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja daripada keilatan atau kematian akibat daripada sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

iii. Skim Bencana Kerja Pekerja Asing



PERKESO juga memperluaskan liputannya kepada semua pekerja asing yang sah (kecuali pekhidmat rumah tangga) di Malaysia. Berkuat kuasa 1 Januari 2019, pekerja asing yang sah akan dilindungi oleh Skim Bencana Kerja (SBK) di bawah Akta 4. SBK menyediakan perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan di tempat kerja atau penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya serta kemalangan semasa dalam perjalanan.

Caruman bagi skim ini telah ditetapkan pada kadar 1.25% daripada gaji bulanan dan dibayar setiap bulan oleh majikan. Mulai 1 Januari 2020, semua majikan dikehendaki berdaftar dengan PERKESO walaupun pekerja asing tersebut masih diliputi di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA).

Syarat kelayakan SBK:

- Mempunyai pasport dan Pas Khas untuk pekerja asing baharu; atau
- Mempunyai pasport dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)

Caruman di bawah Akta ini terbahagi kepada dua (2) jenis, iaitu:

Caruman Jenis Pertama

Untuk pekerja yang berumur kurang daripada 60 tahun, caruman yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja adalah untuk **Skim Bencana Pekerjaan** dan **Skim Keilatan**.

Kadar caruman di bawah jenis ini adalah terdiri daripada 1.75% syer majikan dan 0.5% syer pekerja berdasarkan gaji bulanan pekerja itu, mengikut kadar jadual caruman yang telah ditetapkan.

***Nota**: Semua pekerja yang belum mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan di bawah Jenis Pertama kecuali bagi pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun dan tiada caruman telah dibayar sebelum 55 tahun kerana tidak layak di bawah Akta Keselamatan Sosial, 1969.*

Caruman Jenis Kedua

Kadar caruman jenis ini adalah daripada syer majikan sahaja, iaitu sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan pekerja itu, mengikut jadual caruman yang telah ditetapkan. Semua pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan di bawah Jenis Kedua bagi perlindungan Skim Bencana Pekerjaan sahaja.

***Nota:** Bagi pekerja baharu yang layak mulai umur 55 tahun, mereka hendaklah dicarumkan di bawah Jenis Kedua.*



"Kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25% sebulan daripada opsyen pendapatan yang diinsuranskan.

Sekiranya gagal mencarum, pemandu boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya."



Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)

Akta ini memberi perlindungan di bawah Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu e-panggilan *(e-hailing)* seperti *GrabCar* dan juga pemandu bas yang bekerja sendiri seperti bas berhenti-henti, bas carter, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas pengantara, bas sekolah dan bas lapangan terbang.

Kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25% sebulan daripada opsyen pendapatan yang diinsuranskan.

Sekiranya gagal mencarum, pemandu boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

Perlindungan bagi tempoh bulanan / tahunan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar serta diperakui menerusi resit bayaran caruman.

Syarat Kelayakan:

- Warganegara Malaysia/permastautin tetap tanpa mengira had umur; dan
- Mempunyai lesen memandu (JPJ) yang sah; dan
- Mempunyai Kad PSV atau Kad Pemandu/surat kebenaran dari LPKP (Sabah dan Sarawak) yang masih sah laku; atau
- Berdaftar dengan perkhidmatan e-panggilan

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) pula bertujuan untuk melindungi dan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, memberi latihan untuk memantapkan semula kemahiran dan meningkatkan kebolehkerjaan mereka serta menyediakan perkhidmatan pekerjaan supaya mereka yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan lain yang sesuai dengan lebih cepat.

SIP menawarkan dua jenis faedah iaitu **faedah berbentuk kewangan** dan **faedah bantuan pencarian pekerjaan.**

Definisi kehilangan pekerjaan merangkumi:

- Penutupan tempat kerja kerana bencana alam
- Bankrap atau penutupan tempat kerja
- Pembuangan kerja konstruktif
- Peletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja
- Peletakan jawatan apabila diarah melaksanakan kerja di luar skop yang membahayakan keselamatan

Penguatkuasaan

Pembayaran caruman hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 15 hari bulan bagi caruman bulan sebelumnya (contoh; caruman bulan Julai 2017 hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2017).

Faedah Caruman Lewat Bayar

Faedah caruman lewat bayar akan dikenakan pada kadar 6% setahun bagi tiap-tiap satu hari caruman yang tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

Sumber: www.perkeso.gov.my



Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Sebelum Menjadi Penjamin

Penjamin telah terikat dengan kontrak sah yang menyatakan mereka bertanggungjawab untuk membayar hutang sekiranya peminjam gagal membuat bayaran. Adalah penting untuk penjamin memahami perkara ini sebelum bersetuju untuk menjamin sesuatu pinjaman. Bakal penjamin boleh mendapatkan nasihat daripada peguam, sekiranya mampu, untuk memahami tanggungjawab dan risiko yang perlu dihadapi daripada kontrak jaminan.

Perkara Yang Perlu Diteliti Sebagai Penjamin:

Sesiapa pun boleh menjadi penjamin tetapi mestilah memenuhi keperluan undang-undang seperti:

- Berumur 18 tahun ke atas
- Tidak berada dalam keadaan muflis
- Berfikiran waras dan mempunyai keupayaan mental agar dapat memahami dokumen jaminan
- Sanggup menerima syarat tanpa tekanan daripada rakan sebaya



1 Kenal pasti tujuan pinjaman tersebut dilakukan

Bertanya kepada pihak peminjam mengenai tujuan pinjaman tersebut dilakukan. Tujuan pinjaman haruslah jelas agar anda tidak menjamin sesuatu yang sia-sia. Dapatkan maklumat lanjut mengenai keperluan mereka yang memerlukan penjamin untuk pinjaman yang dipohon. Ini untuk memastikan anda mengenal pasti peminjam tersebut mempunyai kemampuan untuk membayar balik pinjaman.



2 Pertimbangkan kemampuan anda untuk melunaskan pinjaman tersebut jika peminjam gagal menyelesaikannya

Sebelum anda bersedia untuk menjadi penjamin, anda perlu menganalisis kedudukan kewangan anda terlebih dahulu. Pastikan anda mampu menyelesaikan pinjaman berkenaan jika peminjam tersebut gagal melangsaikannya. Selain daripada tunggakan pinjaman, anda juga perlu menyelesaikan kos tambahan lain yang berkaitan.



3 Kaji kontrak dan perjanjian pinjaman

Anda perlu meneliti setiap perkataan yang digunakan di dalam dokumen tersebut. Dapatkan khidmat *nasihat guaman bebas untuk memahami risiko dan hak anda sebagai penjamin. Jangan turunkan tandatangan anda dengan terburu-buru melainkan anda benar-benar memahami setiap perkara di dalam dokumen perjanjian tersebut.

Sediakan surat ganti rugi yang ditandatangani oleh peminjam sebagai langkah keselamatan. Dengan adanya surat ganti rugi, anda boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap kerugian yang akan anda hadapi sebagai penjamin.

**Nasihat Guaman Bebas: Usaha mendapatkan nasihat guaman bebas adalah untuk memastikan bahawa anda benar-benar faham akan sifat sebenar dokumen tersebut dan implikasi undang-undang terhadap penjamin. Contohnya hak-hak dan liabiliti di bawah sesuatu kontrak jaminan, terutamanya jika institusi kewangan menukar terma dan syarat semasa tempoh pinjaman tersebut.*

4 Jangan sesekali tandatangan dokumen pinjaman kosong



Jangan sesekali lakukan perkara ini. Bertegas dengan peminjam supaya anda diberi dokumen yang mempunyai maklumat pinjaman.

Dokumen tersebut perlu menyatakan jumlah pinjaman, kadar faedah dan jangka masa kontrak dengan jelas.



5 Ketahui kesannya terhadap rekod kedudukan kredit anda

Anda perlu fikirkan kedudukan kredit anda yang mungkin akan terkesan dengan tindakan anda untuk menjadi penjamin.

Apabila anda sudah menandatangani perjanjian tersebut, maka anda perlu bertanggungjawab dan menanggung beban untuk menyelesaikan hutang orang lain jika peminjam itu tidak menjalankan tanggungjawabnya.

Kesimpulannya

Keburukan menjadi penjamin adalah beban yang perlu anda pikul sekiranya peminjam tidak menyelesaikan hutangnya. Ini akan menjejaskan kedudukan kredit anda dan boleh menyukarkan anda dari segi kewangan. Risiko untuk kehilangan keistimewaan kredit anda adalah tinggi. Oleh itu, anda perlu berfikir dengan teliti sebelum bersetuju untuk menjadi penjamin. Jangan biarkan masa depan anda rosak gara-gara tindakan orang lain yang tidak bertanggungjawab.

Sumber: www.directlending.com.my

Impian Percutian Musnah Ditipu Sindiket Pelancongan



"Berdikit-dikit, lama-lama menjadi bukit", peribahasa Melayu yang begitu sinonim dengan tabiat menabung. Ramai pengguna yang menyimpan wang secara sedikit demi sedikit untuk tujuan melancong. Namun demikian, ramai yang tersungkur dengan kerenah penipuan sindiket pelancongan dan juga penipuan yang berlaku dalam bidang pelancongan ini. Jumlah aduan tentang penipuan ini kian meningkat saban hari.

Pada 2017, sebanyak 3,590 aduan telah diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), manakala pada tahun 2018, jumlah aduan telah meningkat ke 4,411 kes.

Kebanyakan aduan adalah bersabit dengan penipuan yang juga dikenali sebagai *scam*. Jumlah aduan yang diterima adalah hampir 28%, iaitu sebanyak 1,235 kes daripada keseluruhan jumlah aduan mengenai pelancongan. Kebanyakan *scam* ini berlaku kerana para pengguna mudah terperdaya dengan pakej percutian yang 'indah khabar dari rupa' yang ditawarkan oleh sindiket pelancongan yang tidak sah, sekali gus tidak mempunyai lesen untuk mengendalikan aktiviti pelancongan daripada pihak berkuasa.

Sindiket ini menawarkan harga yang jauh lebih murah berbanding harga yang kebiasaannya ditawarkan oleh syarikat-syarikat pelancongan yang berlesen. Pakej yang ditawarkan lazimnya merangkumi tambang perjalanan, makanan dan juga penginapan di hotel tiga bintang. Namun demikian, pengguna perlu membuat tempahan seawal enam sehingga lapan bulan sebelum tarikh perjalanan, serta perlu membayar wang pendahuluan. Di samping itu juga, mereka terpaksa membayar wang tempahan sehingga 50% daripada bayaran penuh kos pelancongan. Apabila tarikh percutian hampir tiba, para pelancong akhirnya gagal menghubungi syarikat atau ejen sindiket pelancongan untuk mendapatkan tiket dan butir-butir perjalanan.

Harapan dan impian untuk bercuti musnah begitu sahaja. Wang yang disimpan sekian lama untuk melancong kononnya, lesap tanpa dapat dikesan. Kebanyakan ejen tanpa lesen tersebut menjalankan operasi sebegini secara dalam talian dan bayaran turut dibuat dalam talian. Mereka menjalankan operasi tanpa mendaftarkan diri dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) supaya tidak mudah dijejaki sekiranya mereka melarikan diri atau gulung tikar.

Adalah menjadi tanggungjawab para pengguna untuk memastikan mereka berurusan dengan pihak pengendali pelancongan yang bertauliah dan berdaftar. Pengguna boleh melayari portal Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mengenal pasti sama ada syarikat yang mereka berurusan terdapat dalam senarai Lesen Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan (TOBTAB). Pengguna boleh melayari laman sesawang MOTAC di pautan *http://www.motac.gov.my/semakan/tobtab*.

Para pengguna juga harus memastikan syarikat pelancongan ini masih aktif. Pengguna boleh mendapatkan maklumat tersebut dengan menghubungi pihak SSM, atau layari laman sesawang SSM di pautan *http://www.ssm.com.my/Pages/Quick_Link/e-Search.aspx*. Pengguna juga boleh berurusan terus di pejabat SSM yang terdekat.

Para pengguna perlu berwaspada kerana ramai pengguna terpedaya dengan tawaran menarik yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pelancongan. Selidiki dahulu sebelum berurusan dengan mana-mana syarikat ini supaya anda tidak terpedaya.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pegguna Nasional (NCCC)

Jangan jadi Pemilik Akaun Keldai/Tumpang



Apakah Akaun Keldai/Tumpang?

Individu yang membenarkan akaun bank mereka digunakan oleh orang lain untuk transaksi kewangan yang tidak sah atau menyalahi undang-undang

Langkah-langkah keselamatan

- **JANGAN** benarkan akaun bank anda digunakan oleh penjenayah kewangan/ pihak ketiga



- **JANGAN** mudah percaya dengan tawaran wang bagi penggunaan akaun anda



- **JANGAN** dedahkan maklumat perbankan peribadi/nombor akaun/nombor PIN/ kata laluan kepada pihak ketiga





Hukuman dan tindakan terhadap Pemilik Akaun Keldai/Tumpang

- Boleh **didakwa** atas kesalahan membantu menyembunyikan atau memindahkan harta orang lain yang membawa hukuman **penjara 5 tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya**
- Akaun bank anda akan **disekat** dan anda **tidak boleh membuat sebarang transaksi perbankan termasuk penerimaan gaji**

Inisiatif literasi kewangan daripada: BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA LINK

1-300-88-5465 | https://telelink.bnm.gov.my | bnm.official